

**Pilihan Raya Kampus, Platform Terbaik Mahasiswa Tunjukkan Kematangan -
Khaled
Bernama
13 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Pilihan raya kampus merupakan platform terbaik bagi mahasiswa menunjukkan kematangan dari segi pemikiran serta mendedahkan mereka tentang erti demokrasi di samping mencungkil bakat kepimpinan di kalangan mereka.

Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata sifat kepimpinan serta tanggungjawab sebagai rakyat dalam sistem demokrasi bukan sahaja boleh dipelajari oleh pelajar yang menjadi calon dalam pilihan raya kampus tetapi juga kepada mereka yang menjalankan tanggungjawab sebagai pengundi.

Beliau berkata pilihan raya kampus mengajar dan memberi pengalaman kepada mahasiswa berkaitan dengan proses perjalanan pilihan raya umum seperti yang terdapat dalam kebanyakan negara yang mengamalkan kerajaan bercorak demokrasi.

"Ia secara tidak langsung bukan sahaja memberi peluang kepada mahasiswa menunjukkan kematangan dalam memilih pucuk pimpinan mereka tetapi dapat menunjukkan kepada pihak luar bagaimana pilihan raya dalam kampus dapat dijalankan dengan baik dan sempurna," katanya.

Beliau bercakap pada sidang media selepas merasmikan Pertandingan Reka Bentuk New Straits Times (NST)- Peugeot di sini hari ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=694510>